

**PERANAN JURUUKUR BAHAN DI DALAM
PEMULIHARAAN BANGUNAN LAMA**

MAS HAFIZAH BINTI JAMIL

Projek Sarjana Muda ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Jabatan Ukur Bahan
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER, 2006

ABSTRAK

Pemuliharaan bangunan adalah satu bidang yang semakin mendapat perhatian pada masa kini. Proses pemuliharaan mungkin dianggap begitu kompleks jika dibandingkan dengan projek pembinaan bangunan baru. Pemuliharaan merupakan satu usaha ke arah mengembalikan sejarah di samping memanjangkan hayat bangunan lama. Kerja-kerja pemuliharaan perlu dijalankan dengan penuh etika dan teliti bagi memastikan tidak berlaku kerosakan baru yang boleh mencacatkan bahan dan rupa asal bangunan. Kepakaran dan rasa sensitif terhadap bangunan lama penting bagi ahli profesional yang terlibat di dalam bidang ini. Mereka perlu memiliki kefahaman dan pengetahuan yang mendalam terhadap teknik pemuliharaan bangunan lama di samping menghargai teknologi moden masa kini. Tambahan dari itu, penyediaan anggaran kos bagi kerja-kerja pemuliharaan adalah kompleks dan sukar kerana keadaan bangunan lama yang sukar untuk dijangka. Oleh yang demikian, kajian penyelidikan ini akan mengenalpasti peranan salah seorang profesional binaan iaitu Juruukur Bahan dalam bidang pemuliharaan. Adakah kepakaran ahli profesional ini sebagai pakar kos pembinaan dan kontrak penting di dalam bidang pemuliharaan? Kajian ini memberi fokus terhadap Juruukur bahan yang pernah melaksanakan projek pemuliharaan bangunan lama di sekitar Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana peranan Juruukur bahan di dalam bidang pemuliharaan pada peringkat pra-kontrak, pos-kontrak dan perkhidmatan tambahan seperti Juruukur bahan dalam projek bangunan baru.

ABSTRACT

Conservation of historic building is getting awareness nowadays. Perhaps, the processes are complex comparing to new-built project. Conservation is an attempt in taking an old building through the stages of upgrading it for better value. The work in conservation must be executed in full of intricate and ethics in order to avoid any damages to the existing form of the building. The design team in this area must have sympathy and expertise in the type of work envisaged together with proper appreciation of historic building. They should possess, either collectively or individually, an in-depth understanding and knowledge of traditional craft techniques and an appreciation of the use of modern technology. In addition, preparing estimates for this type of work is complex and difficult. The nature of such work is difficult to predict. Pricing this work may be subjected to substantial variation by the time that the work is actually carried out. Thus, this research had been carried out to identify the role of Quantity Surveyor in conservation as one of the professional in construction team. However, is the Quantity Surveyor's expertise in costing and contract are significant in this area of work? This study focused on Quantity Surveyor that has been experienced in conservation project around Malaysia. The study will determine and identify whether the role of Quantity Surveyor in pre-contract, post-contract and additional services if any in conservation are same with other Quantity Surveyor in new-built project.